

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: UPACARA PERASMIAN BANGUNAN DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA

TEMPAT: KUCHING, SARAWAK

TARIKH: 30 AUG 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Bangunan Dewan Bandaraya Kuching Utara yang berdiri megah dan gagah di hadapan kita semua, serentak dengan perasmian Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran-Perbandaran Malaysia yang pertama bagi tahun 1993.

2. Semenjak dinaikkan taraf Bandaraya lima tahun yang lalu, pembangunan infrastruktur yang pesat serta pencapaian Bandaraya Kuching daripada segi kemajuan dalam perdagangan, industri serta kebudayaan, telah menjadi satu kebanggaan bagi setiap penduduk Sarawak khususnya, dan rakyat Malaysia amnya.

3. Semua ini dapat dicapai oleh Bandaraya Kuching dengan adanya program pembangunan Kerajaan Negeri yang terperinci dan rapi, serta wujudnya kepimpinan berwibawa Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud sendiri. Saya yakin, berkat adanya kestabilan politik serta kehidupan harmonis di Bumi Kenyalang yang berbilang kaum ini, Bandaraya Kuching akan menjadi salah satu pintu gerbang utama bagi pelaburan serta penanaman modal yang besar dari dalam dan luar negeri.

4. Kestabilan politik serta dasar politik pembangunan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak telah mewujudkan keadaan yang sesuai untuk para pelabur serta gergasi korporat perniagaan untuk menanamkan modal di sini. Saya gembira apabila dimaklumkan bahawa kawasan perindustrian baru di Sejingkat, yang terletak di dalam kawasan Bandaraya Kuching, mempunyai banyak kilang industri milik pelabur dari dalam dan luar negeri yang sudahpun di dalam tahap pembinaan tapaknya.

5. Saya juga difahamkan bahawa beberapa pengusaha kilang serta tokoh korporat perniagaan luar negara sudahpun memeterai beberapa perjanjian dengan ahli-ahli perniagaan negeri Sarawak untuk membina kilang-kilang industri secara kerjasama atau 'joint-venture'. Kerjasama di dalam bidang perniagaan ini dapat membantu kita daripada segi 'transfer of technology' dari negara maju kepada negara kita.

6. Semua ini adalah selaras dengan usaha kita menuju ke arah perkembangan industri yang pesat serta teratur yang wujud di negeri Sarawak. Justeru itu bandaraya Kuching memainkan peranan yang penting sebagai 'catalyst' kepada perkembangan dan pertumbuhan ekonomi tersebut. Saya yakin negeri Sarawak akan menjadi 'front-runner' di dalam pencapaian wawasan ini.

7. Semua ini juga menggambarkan masa depan yang cerah bagi Sarawak dan setiap rakyat Bumi Kenyalang yang terkenal rajin dan peramah, akan menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat. Kita semua haruslah menyambut segala dasar serta langkah-langkah Kerajaan dengan sikap positif dan berani menyahut cabaran-cabaran yang timbul di dalam proses membangunkan negara kita.

8. Rakyat Bumi Kenyalang seharusnya bersyukur kerana mempunyai pemimpin-pemimpin jati di peringkat kebangsaan dan negeri yang dinamik, yang mana segala gagasan mereka dapat diterima oleh sesiapa, bukan sahaja di Bumi Kenyalang bahkan di seluruh Malaysia.

9. Wawasan untuk membangunkan Bumi Kenyalang menjadi kuasa ekonomi dan perdagangan di negara ini, dengan berlandaskan program-program pembangunan Kerajaan Negeri yang bernas lagi menyeluruh, akan memastikan yang setiap kaum dan lapisan masyarakat di Sarawak tidak akan ketinggalan di dalam bersama-sama meraih keuntungan serta menikmati faedah dan kebaikan di dalam mencapai taraf kehidupan yang lebih tinggi.

10. Sememangnya Bumi Kenyalang yang kaya dengan khazanah budaya serta penuh dengan tradisi pelbagai kaumnya, merupakan contoh yang unggul di mana penduduknya berupaya mengikis sifat perkauman mereka, bekerjasama erat di dalam suasana harmonis, memegang teguh kepada prinsip-prinsip muhibah serta Rukunegara dan bersatu untuk mengejar cita-cita bangsa dan negara.

11. Saya percaya dengan pimpinan yang ada di Sarawak serta sokongan padu wargakota Kuching, pentadbir kawasan bandaraya ini akan dapat mencapai wawasan menjadikan bandaraya Kuching sebuah bandaraya metropolitan yang teratur, indah dan berbudaya di dalam masa yang lebih singkat.

12. Pembangunan di sekitar Bandaraya Kuching akan berkembang dengan adanya infrastruktur yang baik seperti di sekitar kawasan bangunan ini. Bangunan Dewan Bandaraya Kuching Utara yang indah ini merupakan satu mercutanda dan penggerak kejayaan Bandaraya Kuching. Projek pembangunan pusat-pusat pelancongan, hotel-hotel, bangunan pejabat, pusat perniagaan dan rekreasi serta kawasan-kawasan perumahan di sekitarnya, telahpun berjaya menempatkan Bandaraya ini di mata dunia serta mendapat pengiktirafan yang berpatutan. Kejayaan serta pengiktirafan ini terbukti apabila Bandaraya Kuching dipilih tuan rumah untuk pelbagai acara berbentuk kebudayaan, kejohanan sukan, mesyuarat

perundingan serta persidangan yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

13. Dalam kita mentadbir sesebuah Bandaraya, usaha yang gigih dan bersepadu hendaklah diberi keutamaan dan keprihatinan supaya pembangunannya seimbang dan teratur untuk kesejahteraan penduduk. Perancangan yang terperinci dalam pembangunan jalanraya, kawasan perumahan, pejabat, bangunan komersil dan kilang-kilang, di samping mengekal keindahan kawasan dengan tanaman-tanaman dan pokok-pokok serta menambah kehijauan-kehijauan baru, merupakan faktor utama dalam membentuk sebuah Bandaraya yang selesa.

14. Demikianlah, apabila sebuah negeri dalam satu persekutuan di perintah secara lurus dengan mengimbangi kepentingan negeri dengan kepentingan negara serta dengan hubungan yang rapat di antara wilayah dan pusat, semua pihak mendapat nikmat. Sebaliknya apabila pemerintahan negeri hanya menumpu kepada kepentingan negeri sahaja tanpa mengambilkira kepentingan negara, hasilnya ialah kerugian semata-mata kepada warganegeri tersebut.

15. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana berjaya membangunkan Bandaraya Kuching dengan begitu pesat sekali di samping dihiasi dengan kehijauan tanaman dan bangunan-bangunan yang indah.

16. Dengan ini, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, membuka dengan rasminya Bangunan Dewan Bandaraya Kuching Utara, dan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Perbadanan Perbandaran-Perbandaran Malaysia yang Pertama bagi tahun 1993.